


CARTA ALIR PERMOHONAN PROGRAM AKADEMIK BAHARU



Kertas kerja yang telah diluluskan oleh Mesyuarat peringkat Pusat Pengajian perlu dimajukan ke Mesyuarat JKPA Universiti.

Kertas Kerja yang diluluskan di JKPA Universiti perlu dikemukakan ke Mesyuarat Saringan Awal (MSA), Bahagian Pengurusan Pembangunan Akademik, JPT dengan menghantar Borang Permohonan Penawaran Program Akademik Baharu. [\(Rujuk format borang\)](#)

Pusat Pengajian perlu hadir untuk membentangkan kertas kerja penawaran program akademik baharu. [\(Rujuk soalan-soalan yang kerap ditanya oleh panel\)](#)

Membuat permohonan Perakuan Akreditasi Sementara dengan melengkapkan [Borang A](#). Dokumen MQA-01 dan bayaran sebanyak RM7,500. Permohonan yang diluluskan di MJA akan diberikan Perakuan Akreditasi Sementara setelah melengkapkan borang [\(lampiran B\)](#) dan membuat bayaran RM100

Setelah mendapat Perakuan Akreditasi Sementara Pusat Pengajian perlu menyediakan kertas kerja untuk kelulusan Senat

Kelulusan Mesyuarat Senat akan dimajukan ke mesyuarat LPU sebagai makluman.

Setelah minit LPU disahkan. Pusat Pengajian perlu menyediakan Kertas Kerja Permohonan Program Akademik Baharu untuk kelulusan Mesyuarat JKPT dengan membuat 2 salinan bercetak dan 1 cakera padat. [\(Rujuk Garis Panduan Penulisan Akademik\)](#)

Program boleh ditawarkan setelah mendapat kelulusan mengendalikan program daripada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPM)